

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Selasa, 30 Julai 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH 2024

Jumlah perdagangan Sabah pada tahun 2023 melempi parasi RM100 bilion bagi dua tahun berturut-turut

PUTRAJAYA, 30 JULAI 2024 – Laporan **STATISTIK PERDAGANGAN LUAR NEGERI SABAH BAGI TAHUN RUJUKAN 2023** yang dikeluarkan hari ini memaparkan statistik perdagangan luar negeri Sabah dengan rakan dagangan mengikut klasifikasi komoditi yang terperinci. Laporan ini menunjukkan jumlah perdagangan Sabah kekal melepasi parasi RM100 bilion tahun 2023.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Perdagangan Sabah telah melepasi aras RM100 bilion bagi dua tahun berturut-turut dengan jumlah perdagangan Sabah mencatatkan RM105 bilion pada tahun 2023. Seiring dengan penurunan perdagangan peringkat Malaysia, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan perdagangan Sabah menurun sebanyak 11.1 peratus daripada RM118 bilion pada tahun 2022. Eksport Sabah menurun 18.5 peratus kepada RM62.8 bilion berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, import Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 3.0 peratus daripada RM40.9 bilion kepada RM42.2 bilion pada tahun 2023, manakala lebihan dagangan berjumlah RM20.6 bilion, menurun 43.1 peratus".

Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan penyumbang utama eksport Sabah adalah petroleum mentah bernilai RM24.7 bilion, minyak kelapa sawit (RM16.0 bilion) dan gas asli cecair (RM5.1 bilion). Eksport tiga produk utama ini bernilai RM45.7 bilion dan menyumbang 72.8 peratus kepada jumlah eksport Sabah. Manakala penyumbang utama import pula adalah jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak RM14.3 bilion, makanan dan binatang hidup (RM6.6 bilion) dan barangan keluaran kilang mengikut jenis bahan (RM5.5 bilion).

Mengulas lebih lanjut, lima rakan dagangan utama yang menyumbang sebanyak 71.2 peratus kepada jumlah perdagangan luar negeri Sabah terdiri daripada Semenanjung Malaysia (45.9%), China (11.2%), Thailand (5.9%), Republik Korea (4.2%) dan India (3.9%).


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

.

Carta : Eksport, Import dan Pertumbuhan Jumlah Perdagangan Luar, 2012 – 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

30 JULAI 2024